


TEKS UCAPAN
Y.BRS. PROFESOR Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



MAJLIS MAHABBAH AIDILFITRI 1444H

اوینیورسیتی تکنیکال ملaysia ملاک

11 Mei 2023 bersamaan 20 Syawal 1444H, 10.00 pagi
Perkarangan Dewan Canselor UTeM

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Salam UTeM ku Sayang

Menjajar Universiti, Melonjak ke Hadapan

Yang Amat Dikasihi Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji

Mohd Ali Bin Mohd Rustam

Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**Yang Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah Binti
Hj. Abd Rahman**

1. Sempena hari yang penuh berakah ini, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Yang Berbahagia Toh Puan hadir bersama-sama ke Majlis Mahabbah Aidilfitri UTeM 1444H di Perkarangan Dewan Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
2. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Berbahagia Toh Puan hadir pada majlis ini, sesungguhnya amat bermakna buat semua warga UTeM. Sesungguhnya keprihatinan yang ditunjukkan oleh Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Berbahagia Toh Puan terhadap perkembangan Universiti akan dapat

menyemarakkan lagi keazaman seluruh warga untuk terus gigih demi memastikan kelestarian dan kecemerlangan UTeM.

3. Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Berbahagia Toh Puan, mohon diizinkan saya untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin yang saya hormati.

SALUTASI

-seperti di lampiran

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PEMBUKA KATA

1. Pertamanya, marilah kita bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan rahmat-Nya, diizinkan kita untuk berkumpul untuk meraikan hari kemenangan umat Islam, Hari Raya Aidilfitri yang telah pun memasuki hari ke-20 Syawal, di samping kesempatan kita dapat bersama-sama berhimpun untuk meraikannya bersama T.Y.T Tun Canselor dan Yang Berbahagia Toh Puan.
2. Kesudian semua Dif-dif kehormat serta tetamu jemputan hadir bersama sudah pasti menambah seri majlis yang direncanakan ini. Besarlah harapan kami agar majlis pada hari ini dapat dijadikan platform terindah dalam mengeratkan hubungan

silaturahim antara sesama kita tanpa mengira agama dan bangsa.

4. Saya juga mengambil kesempatan ini, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian semua para tetamu yang sudi melapangkan masa untuk hadir bersama-sama pada majlis hari ini. Kehadiran hadirin dan hadirat sekalian amat kami alu-alukan dan pastinya dapat menyemarakkan lagi sambutan Mahabbah Aidilfitri di UTeM pada kali ini.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Berbahagia Toh Puan serta Hadirin dan Hadirat sekalian,

5. Ketibaan Aidilfitri sememangnya dinanti-nantikan oleh segenap lapisan masyarakat di negara kita, tanpa mengira kaum, agama, latar belakang ekonomi dan status sosial. Kemeriahian Aidilfitri yang diraikan bersama-sama dapat menyuburkan semangat perpaduan di mana persamaan ditonjolkan dan kepelbagaiannya yang ada diraikan. Konsep rumah terbuka semestinya dapat mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan masyarakat kita yang berbilang kaum. Keistimewaan

ini harus kita banggakan dan tradisi amalan rumah terbuka perlu diteruskan dalam menyatukan dan menguatkan ikatan kemasyarakatan.

6. Bagi menyahut budaya rumah terbuka ini, UTeM menganjurkan Majlis Mahabbah Aidilfitri di mana ianya dirancang untuk dianjurkan secara besar-besaran dan dengan penuh meriah. Seperti biasa, UTeM merancang supaya sambutan ini tidak dijalankan secara kecil-kecilan di peringkat Pusat Tanggungjawab tetapi sebagai satu sambutan yang mega melibatkan semua warga yang terdiri daripada pengurusan tertinggi, staf dan tidak ketinggalan pelajar-pelajar.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Berbahagia Toh Puan serta Hadirin dan Hadirat sekalian,

7. Hari ini genaplah 20 hari kita berada dalam bulan Syawal. Walaupun Ramadhan telah meninggalkan kita dan Syawal juga semakin hampir berlalu, namun iktibar dan pengajaran daripada bulan mulia ini hendaklah kekal menjadi ingatan dan amalan berterusan di dalam diri kita semua.
8. Sambutan Aidilfitri amat bermakna kepada seluruh umat Islam malah ia turut memberi makna kepada yang bukan beragama Islam khasnya warga UTeM. Ini adalah kerana, ia merupakan

peluang terbaik untuk masyarakat di negara ini yang terdiri daripada berbilang kaum, agama dan budaya untuk berkongsi kegembiraan dan keceriaan sambutan perayaan ini.

9. Majlis seumpama ini merupakan peluang terbaik kepada seluruh keluarga UTeM dalam mengukuhkan semangat kekeluargaan dan perpaduan sesama kita. Walaupun semangat kekeluargaan di tempat kerja tidak sekukuh pertalian keluarga sendiri, namun semangat ini perlu diterapkan dalam diri kita untuk memastikan keharmonian sesebuah organisasi dan seterusnya negara kita yang tercinta.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Berbahagia Toh Puan serta Hadirin dan Hadirat sekalian,

10. Pada hari ini juga kita turut akan mengadakan Majlis Pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) di antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan Syarikat On Semiconductor Malaysia Sdn. Bhd. Majlis pertukaran MoA ini adalah sebagai satu platform untuk memperlihatkan bahawa UTeM mengambil berat akan hubungan dan kerjasama bersama industri.
11. Bukan itu sahaja, majlis sumbangan

12. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan jutaan penghargaan dan terima kasih di atas kelapangan masa Tuan Yang Terutama Tun, Yang Berbahagia Toh Puan, semua dif-dif kehormat, Tuan-tuan dan Puan-puan untuk hadir bersama-sama meraikan majlis Mahabbah Aidilfitri UTeM 1444H.
13. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Jawatankuasa program yang komited dalam memastikan majlis ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Tidak lupa juga, ribuan terima kasih kepada pihak penaja di atas kesudian untuk turut terlibat di dalam penganjuran Majlis ini.

14. Akhir kata, saya berdoa mudah-mudahan perjalanan majlis pada pagi ini memperoleh keberkatanNya dan semoga Keluarga UTeM dilimpahi taufik hidayah dan kekuatan untuk memacu Universiti ini ke arah yang lebih cemerlang.

Hinggap si Nuri di hujung dahan,
Tempat berteduh si anak teruna;
Mahabbah bertaut eratkan kemesraan,
Aidilfitri disambut penuh bermakna.

Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Yang Berbahagia Toh Puan,

Sekian sahaja ucapan saya.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin berterima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Yang Berbahagia Toh Puan di atas kesudian hadir ke majlis Mahabbah Aidilfitri pada kali ini. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Yang Berbahagia Toh Puan begitu besar ertiinya buat kami semua.

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

